



ANUGERAH-ANUGERAH JULANGAN BAKAT UMT KATEGORI:
ANUGERAH PERSATUAN/KESATUAN STAF
TERBAIK UMT

Disediakan oleh :-
Pejabat Pendaftaran
Universiti Malaysia Terengganu

(Minit JKSM UMT Kali Ke-13 (Bilangan 1 Tahun 2021) – 25 Januari 2021)



GARIS PANDUAN
ANUGERAH PERSATUAN/KESATUAN STAF TERBAIK
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

SYARAT DAN KRITERIA

TUJUAN

- i. Anugerah ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada persatuan/kesatuan staf yang berdaftar di UMT yang telah memberikan sumbangan kebajikan dan pembangunan sosial kepada perkembangan Universiti.

SYARAT PENCALONAN

- i. Terbuka kepada semua persatuan/kesatuan staf yang berdaftar dengan UMT.
- ii. Bebas dari sebarang tindakan undang-undang.
- iii. Mengemukakan laporan tahunan persatuan/kesatuan setiap tahun kepada pihak berwajib dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir.

TATACARA PERMOHONAN DAN PENILAIAN ANUGERAH

- i. Pencalonan boleh dibuat oleh Persatuan dan Kesatuan Staf yang berdaftar dengan UMT.
- ii. Permohonan/pencalonan perlu menggunakan borang rasmi yang diperoleh melalui portal MyNemo. Semua permohonan/pencalonan perlu lengkap dan disertakan maklumat dan bukti-bukti yang disahkan.
- iii. Setiap pencalonan mesti disokong dan diperakukan oleh Presiden Persatuan dan Kesatuan.
- iv. Permohonan akan dipertimbangkan oleh jawatankuasa penilaian yang dilantik oleh Naib Canselor dan seterusnya diperakukan di Jawatankuasa Sumber Manusia (JKSM).
- v. Pemenang akan diluluskan oleh JKSM dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.

KRITERIA ASAS

- i. Terdapat cadangan penambahbaikan kepada ahli dalam Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ)/Pengurusan Universiti.
- ii. Bilangan aktiviti kebajikan yang dianjurkan untuk ahli.
- iii. Mendapat pengiktirafan dari mana-mana pihak.
- iv. Persatuan/Kesatuan yang menghasilkan penemuan/kaedah baru dalam pengurusan dan pentadbiran di Peringkat Jabatan / Universiti / Negeri / Kebangsaan / Antarabangsa.

- v. Persatuan/Kesatuan yang dapat menarik keahlian sekurang-kurangnya 60% ahli dalam kategori perkhidmatan.
- vi. Tadbir urus persatuan/kesatuan mengikut perlembagaan

KRITERIA PENILAIAN

Kriteria penilaian bagi anugerah ini adalah berdasarkan enam (6) kriteria yang dicapai dalam tempoh penilaian sepertimana berikut:-

Bil	Kriteria	Jumlah Markah
1.	Cadangan penambahbaikan secara bertulis kepada MBJ/Pengurusan Universiti i. 1-3 (5 Markah) ii. 4-6 (10 Markah) iii. 7 dan ke atas (15 Markah)	15
2.	Bilangan aktiviti yang dianjurkan untuk ahli i. 1-10 (10 Markah) ii. 11-20 (15 Markah) iii. 21 dan ke atas (20 Markah)	20
3.	Persatuan/Kesatuan yang menghasilkan penemuan/kaedah baru dalam pengurusan dan pentadbiran di Peringkat Universiti / Kebangsaan / Antarabangsa; i. Universiti (10 Markah) ii. Kebangsaan (15 Markah) iii. Antarabangsa (25 Markah)	25
4.	Tadbir urus persatuan mengikut perlembagaan - Mematuhi peraturan dan keperluan pihak berwajib	20
5.	Persatuan yang dapat menarik keahlian sekurang-kurangnya 60% ahli dalam kategori perkhidmatan	15
6.	Mendapat pengiktirafan dari mana-mana pihak	5
	Jumlah Markah Keseluruhan	100

ASAS PERTIMBANGAN

Bagi menentukan penerima anugerah yang layak dipertimbangkan adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:-

- i. Memenuhi syarat- syarat asas pencalonan.
- ii. Pencalonan perlu mencapai markah minimum penilaian anugerah iaitu 80% untuk pertimbangan jawatankuasa yang berkaitan.
- iii. Jika tiada calon yang mencapai markah minimum, Jawatankuasa Panel Penilai boleh memperakukan mana-mana calon yang menunjukkan sumbangan signifikan di peringkat university, kebangsaan dan antarabangsa untuk dipertimbangkan Anugerah Khas.

NILAI HADIAH

- i. Sijil Penghargaan
- ii. Trofi